

Tunaikan kewajipan turun harga barang

Razaleigh gesa kaum pedagang jangjan tamak



TENGGU RAZALEIGH

Mayat lelaki tua ditemui

KELANG, Rabu — Beberapa orang kanak-kanak pergi memancing di sebuah parit di Jalan Sungai Bertek dekat sini terperanjat apabila mereka menjumpai mayat seorang lelaki tua di kepalanya terdapat kesan luka parah.

Polis percaya lelaki itu, Abdul Rahman Arshad, 56, bekerja sebagai jaga di rumah seorang peniaga di Taman Palm Grove mati dilanggar oleh kenderaan dalam perjalanannya ke tempat kerja di waktu pagi.

KUALA LUMPUR, Rabu — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menggesa kaum pedagang supaya jangjan bersikap tamak tetapi sebaliknya menukarkan kewajipan sosial mereka dengan menurunkan harga barang berikutan p e m a n s u h a n beberapa cukai baru ini.

Bellau menegaskan menegaskan desakan ssewaktu mengulung perubahan mengenai Belanjawan 1982 di Dewan Rakyat.

"Dengan menurunkan harga, kaum pedagang dapat membantu membenters kedua-dua musuh negara, iaitu kemiskinan dan inflasi, dan melegakan kesengsaraan rakyat."

"Kaum pedagang sedia maklum, kalau barang-barang dapat dijual dengan murah maka lebih ramai rakyat dapat membelinya dan ini akan mengembangkan perniagaan."

"Oleh itu jangjanlah bersikap tamak hendak membolot keuntungan dalam masa sesingkat-tingkatnya supaya lekas kaya tanpa menghiraukan akibat buruknya kepada masyarakat dan negara dan kepada masa depan kaum peniaga sendiri."

"Tujuan kita yang utama memberi galakan-galakan cukai ini ialah supaya para peniaga dapat menurunkan harga dan rakyat dapat membeli barang-barang keperluan dengan harga yang agak murah daripada biasa."

Diturunkan

"Sekarang tibalah masanya bagi kaum pedagang menunaikan kewajipan sosialnya dengan perasaan dan sikap yang lebih bertanggungjawab terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara, termasuklah kaum pedagang sendiri," tambahnya.

"Antara sebab-sebab harga patut diturunkan, katanya, ialah nilai ringgit Malaysia telah naik berbanding dengan nilai mata wang kebanyakan negara-negara lain dan banyak cukai sudah dimansuhkan atau dikurangkan."

Selanjutnya bellau berkata, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam beberapa tahun ke hadapan ini akan menguji keutuhan dan ketahanan ekonomi Malaysia dan memerlukan kita semua, Kerajaan dan rakyat, sebulat hati dan sebulat tenaga untuk mengatasinya.

Kerajaan telah menunaikan kewajipan dengan mengadakan berbagai langkah kewangan dan fiskal, termasuklah galakan-galakan cukai dan subsidi dengan tujuan meneruskan gerakan membbasmi kemiskinan, membandung inflasi dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, katanya.

Bellau juga berkata, kerajaan sentiasa mementikberatkan agar segala pinjaman wang tidak dari sumber yang tidak mengakibatkan kenaikan kadar inflasi.

Sumber-sumber tersebut termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Simpanan Nasional,

PERKESO dan syarikat-syarikat insurans yang dikehendaki melabur sebahagian kumpulan wangnya dalam Surat Pinjaman Kerajaan.

Selain daripada itu, katanya, Malaysia meminjam dari sumber-sumber luar negeri seperti institusi Bank Dunia, ADB, IDB dan juga pinjaman dari pasaran modal antarabangsa.

Kita tidak nampak apa-apa kesulitan untuk mendapatkan pinjaman, baik dari dalam atau luar negeri.

Kita mempunyai kredit yang sangat baik di pasaran modal antarabangsa.

Nisbah bayar balik hu-

lang luar negeri kita adalah yang paling rendah di dunia.

Oleh sebab kepercayaan kita meminjam dan membayar balik hutang, maka bank-bank antarabangsa sentiasa bersedia untuk memberi pinjaman kepada kita.

Itulah sebabnya kita telah berjaya mendapat pinjaman yang banyak dan tidak mempunyai masalah besar untuk mendapatkan pinjaman dari luar negeri, katanya.

Pada awal tahun 1981, misalnya, Malaysia berjaya mendapat pinjaman melalui sindiket bank-bank perdagangan antarabangsa sebanyak AS\$450 juta.

Malaysia juga berjaya memperolehi pinjaman luar yang terbesar sekali minggu lepas melalui sindiket bank-bank perdagangan antarabangsa dengan kadar yang terbaik sekali pernah diberi kepada sesebuah negara membangun, terutama sekali dalam keadaan sekarang di mana kedudukan mudah-tunai antarabangsa adalah ketat dan bank-bank antarabangsa sukar sekali hendak memberi pinjaman.

Menurut Tengku Razaleigh matlamat kerajaan ialah untuk mendapatkan lagi pinjaman sebanyak AS\$650 juta saja.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia